

PTAR

Peraturan Perkhidmatan Pemindahan & Rujukan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sains & Teknologi
Jalan Mahadewa
62100 Putrajaya
Selangor

PENEMPATAN ORANG-ORANG ACHEH, DIYAN; KEDAH



NA
1525.6
.K43
H35

PTAR

0
5
2

Malaysia Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor

THESIS

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

THESIS

PENDAHULUAN

Mengkaji senibina tempatan adalah mustahak untuk mengenali konsep senibina itu.

Senibina itu wujud di atas pengaruh-pengaruh seperti alam- sekitar, adat, kebudayaan dan kepercayaan.

Untuk memenuhi syarat untuk mendapat Diploma Senibina, ITM. kami diwajibkan menyiapkan disertasi senibina.

Tajuk disertasi yang saya ini berjudul:

PENEMPATAN ORANG-ORANG ACHEH, DIYAN; KEDAH

Pemilihan tajuk ini adalah untuk mengkaji sejauh manakah senibina itu mempengaruhi orang-orang Aceh disini.

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

PENGHARGAAN TIDAK DIBENARKAN

PENGHARGAAN

Bersama-sama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua ibubapa saya, Encik Mohd Yusof bin Haji Hassan, Encik Rodzi dan kawan-kawan sekelas diploma senibina tahun 4 sesi 82/83, ITM Shah Alam, Selangor. Penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah saya Encik Abdul Ghani Mohd Desa yang telah banyak berjasa dan berbudi kepada saya. Kalau tidak kerana beliau disertari ini tidak mungkin dapat ditulis dan diterima. Tidak ketinggalan penghargaan diberi kepada Cik Ismatee yang telah meminjamkan mesin taipnya dan Cik Zubaidah yang menaip disertari dengan bertungkus lumus untuk menyiapkannya.

Sekian, terima kasih.

Halmi Zakaria

LATAR BELAKANG SEJARAH

Dipekan Yan, Kedah, terdapat satu golongan orang Aceh yang tinggal dipekan itu sejak awal abad kedua puluh lagi. Mereka tinggal didalam sebuah kampung yang bernama Kampung Aceh (luasnya setengah batu persegi) yang terletak kira-kira 200 ela dipusat bandar itu. Jumlah orang Aceh yang ada dikampung itu pada hari ini lebih kurang 500 orang.

Kehadiran mereka disini adalah disebabkan kekalahan negeri Aceh ditangan Belanda. Peperangan Aceh-Belanda berlaku dengan hebatnya selama 35 tahun. Belanda hanya dapat menawan Aceh pada tahun 1908.

Oleh kerana tidak sanggup tinggal dibawah pemerintahan orang kafir (Belanda) maka segolongan, terutama sekali para ulama Aceh beserta dengan pengikutnya mengambil keputusan untuk meninggalkan Aceh dan merantau ke negeri orang.

Disebabkan negeri Aceh berhampiran dengan negeri Aceh, maka mereka pun terus menuju ke sebuah Gunung Jerai yang terletak berhampiran dengan pekan Yan yang menjadi tempat pedoman arah. Ada juga yang menuju ke Perak, Pulau Pinang dan Pulau Langkawi.

Pendaratan awal adalah diketahui di sebuah pengkalan sejauh setengah batu dari pekan Yan yang kemudiannya diberi nama Kampung Ruat. Setelah tinggal di Kampung Ruat selama 7 tahun mereka dapati tempat itu tidak sesuai. Lalu mereka berpindah ke Yan, iaitu tempat sekarang (Kampung Aceh). Pada masa itu Kampung Aceh dikenali dengan nama Lubuk Kasai. Walaupun tempat ini penuh dengan hutan rimba yang tebal, maka mereka suka tinggal di tempat ini kerana mereka senang mendapat bekalan air yang mengalir dari Gunung Jerai dan juga berdekatan dengan sawah padi.

Penghijrahan ini berlaku dari tahun 1900 hinggalah ke tahun 1915. Orang-orang Aceh yang berhijrah ke Yan dapat digolongkan kepada 3 kumpulan; pertama ialah ulama, kedua pemugar tanah dan ketiga peniaga. Kumpulan pertama mula-mula sampai ke Kedah pada tahun 1900 diketuai oleh Tengku Di Balai atau nama sebenarnya Tengku Arshad.

Beliau adalah ulamak Aceh yang terkenal. Beliau membawa keluarganya dan pengikutnya (iaitu murid-murid lelaki yang hendak belajar agama Islam dengan nya). Setelah membuka Kampung Aceh mereka mendirikan pondok-pondok sebagai tempat penginapan penuntut-penuntut lelaki yang masih bujang.

Apabila pembukaan ke Aceh diketahui dinegeri Aceh, ramai lagi saudara-mara mereka turut datang ke Yan. Ini termasuk kedatangan dua orang lagi ulamak Aceh yang terkenal iaitu Tengku Lam Surau (nama sebenarnya Haji Musa) dan Tengku Lam U (nama sebenarnya Sheikh Omar). Kedatangan mereka berdua ini adalah diikuti pula dengan kedatangan pengikut atau penuntut mereka berdua.

Kedatangan 3 orang ulamak ini dapat digolongkan kedalam peringkat penghijrahan orang Aceh kumpulan pertama dimana tujuan mereka yang mengikuti para ulama itu ialah untuk memperdalamkan pengetahuan Ugama Islam. Mereka yang datang itu tidak membawa keluarga sebab berniat hendak pulang ke Aceh semula selepas tamat pengajian agama Islam.

Kumpulan kedua orang Aceh yang datang ke Kampung Aceh terdiri daripada pemugar tanah. Mereka ini membawa modal yang berupa wang dan juga pekerja. Golongan ini membeli tanah kepunyaan orang Melayu disekeliling Kampung Aceh itu dan juga memohon tanah Kerajaan yang belum dipugar oleh sesiapa pun.

Tanah yang diperolehi ditanam dengan lada dan hasilnya cukup memuaskan pengusaha ini. Apabila harga getah melambung tinggi sebelum zaman Jepun, pengusaha ini memusnahkan pokok lada dan digantikan nya dengan getah. Selain daripada menanam getah, mereka juga menanam cabai, membuka dusun buah-buahan tempatan (sejak dari dahulu hinggalah sekarang).

Kumpulan ketiga orang Aceh yang datang ke Kampung Aceh terdiri daripada golongan peniaga. Mereka ini berniaga dengan peniaga Aceh yang terdapat di Pulau Pinang dengan menukar barang-barang tempatan seperti pinang, kelapa dan lada, untuk membawa pulang barang-barang dari Pulau Pinang yang dijual di Kampung Aceh, pekan Yan dan kawasan yang berhampiran dengannya. Mereka menjalankan urusan perniagaan dengan Tengku Hamzah, iaitu ketua peniaga Aceh di Pulau Pinang yang berpusat di sebuah bangunan di tepi Masjid Kelang, di Pulau Pinang. Ketiga-ketiga kumpulan orang Aceh inilah yang mula-mula menjadi penghuni-penghuni di Kampung Aceh.

Pada akhir tahun pertama Kampung Aceh dibuka, pengikut ketiga-ketiga ulama itu dianggarkan berjumlah 3,000 orang yang menetap di pondok-pondok di kampung itu. Untuk menambahkan pengetahuan agama Islam, selain daripada mengajar dipondok-pondok, ketiga-ketiga ulama ini telah mendirikan sebuah sekolah Arab dikampung itu pada tahun 1918. Sekolah Arab itu mengajar bahasa Arab dan juga pelajaran agama Islam. Guru-guru dari negeri Aceh didatangkan kesekolah ini untuk mengajar para pelajar. Sekolah Arab inilah memainkan peranan penting kepada penduduk dikampung itu sehingga tahun 1960an. Walaupun terdapat sekolah Melayu dipekan Yan, anak-anak orang Aceh hanya dibenarkan oleh ibubapa belajar di sekolah ini (sekolah Arab) saja. Ini adalah disebabkan mereka percaya yang anak-anak mereka mesti mempelajari bahasa Arab dahulu sebelum mereka boleh mempelajari hal-hal agama Islam yang tertulis didalam bahasa Arab.

Mereka melarang anak-anak mereka daripada belajar bahasa Inggeris kerana takut anak-anak mereka menjadi kafir.

Ditepi sekolah Arab itu, sebuah madrasah telah juga dibena oleh ketiga-tiga ulama ini untuk orang Aceh menunaikan sembahyang setiap hari. dan juga sebagai tempat untuk mereka berhimpun dan mempelajari hal-hal agama Islam selepas waktu magrib.

Usaha gigih ketiga-tiga orang ulama didalam perkembangan agama Islam didaerah Yan itu telah membuat penduduk tempatan menjadi begitu yakin dengan agama Islam. Ini mendorong orang Melayu tempatan dan juga dari daerah lain didalam negeri Kedah untuk mempelajari hal-hal agama Islam dari ulama-ulama itu. Dengan cara itu, nama ulama-ulama itu menjadi terkenal diseluruh negeri Kedah. Ini menyebabkan Sultan Kedah, pada masa itu Sultan Abdul Hamid Halim Shah, ingin bertemu dan berkenalan dengan ulama-ulama ini. Lalu, satu majlis pertemuan diantara Sultan Abdul Hamid dengan ulama-ulama itu didalam tahun 1921 di masjid Yan, dengan dihadiri oleh semua penduduk Aceh disitu.

Ketiga-tiga kumpulan orang Aceh yang pertama datang itu tidak membawa keluarga mereka (kecuali keluarga alim ulama sahaja) kerana mereka bertujuan untuk pulang semula ke Aceh selepas berhasil mencari pendapatan, seperti daripada menanam lada dan berniaga, atau selepas tamat pengajian agama Islam dengan ulama-ulama Aceh yang ada disini. Walaupun begitu, ramai yang kemudiannya ingin terus tinggal di Yan, lalu, mereka membawa keluarga mereka dari Aceh ke Yan untuk tinggal di Kampong Aceh yang datang ke kampong orang Aceh itu, hanya 25% sahaja yang pulang ke Aceh selepas tamat pengajian agama Islam dengan ulama-ulama Aceh disini, 35% lagi tinggal dikampong itu, manakala bakinya, iaitu 40% daripada mereka tidak pulang ke Aceh.

5/...

-5-

Golongan ini ialah pelajar-pelajar yang gagal didalam pengajian mereka kerana malu hendak pulang ke Aceh dan malu hendak tinggal di Kampong Aceh itu, mereka terus merantau ke daerah lain di Tanah Melayu seperti ke Pulau Langkawi, ke daerah Kuala Muda, di Kedah, ke Pulau Pinang dan ke Perak untuk berniaga dan terus tinggal ditempat-tempat itu. Jadi, orang Aceh yang berasal dari Kampong Aceh inilah yang berhijrah pula ke Pulau Langkawi dan ke daerah Kuala Muda di Kedah. Ini dapat dilihat daripada banci 1931 dan banci 1947:

	<u>Kedah</u>			<u>Orang Aceh</u>		
	<u>1931</u>			<u>1947</u>		
	<u>Lelaki/Perempuan</u>	<u>Jum.</u>		<u>Lelaki/Perempuan</u>	<u>Jum.</u>	
Yan	256	198	454	143	133	276
Kuala Muda	112	48	160	105	68	173
Langkawi	67	62	129	61	62	123

Mengikut pendapat orang-orang yang ditemuramah, jumlah orang-orang Aceh yang tinggal di Yan yang disebutkan didalam banci 1931 dan 1947 itu adalah tidak tepat dan terlalu rendah jumlahnya kerana bagi adat orang Aceh, setiap kaum lelaki dikehendaki keluar merantau berbulan-bulan ke tempat-tempat lain untuk mencari rezeki dan hanya akan pulang ke Kampong Aceh apabila memperolehi pendapatan yang cukup. Selalunya, kesemua mereka akan pulang ke Kampong Aceh menjelang hari raya puasa. Jadi, jumlah sebenarnya orang Aceh yang tinggal di Kampong Aceh itu pada tahun 1931 dan 1947 boleh jadi melebihi angka-angka yang telah dicatatkan.

6/...

Jika dilihat dari banci 1931 dan 1947, jelas ternampak bilangan orang Aceh yang tinggal di Yan pada tahun 1947 berkurangan daripada tahun 1931, kekurangan ini adalah disebabkan ramai daripada mereka telah berhijrah ke daerah-daerah lain, seperti ke Pulau Pinang, Perak dan Selangor untuk menjalankan berbagai jenis perniagaan dan kemudian terus tinggal di daerah-daerah itu.

Sejak daripada pembukaan Kampong Aceh sehinggalah 40 tahun kemudian, pemimpin mereka ialah Tengku Di Balai. Sebagai ulama Islam yang termasyur, beliau menggalakkan pengajian agama Islam. Pondok-pondok telah didirikan dengan banyaknya disekeliling Kampong Aceh untuk pelajar-pelajar bujang (lelaki) tinggal. Setiap orang lelaki di mestikan sembahyang lima waktu sehari, dan sembahyang magrib mesti dilakukan dimadrasah yang terdapat didalam kampong itu. Seseorang lelaki yang tinggalkan sembahyang atau tidak hadir ke madrasah pada waktu sembahyang dijalankan, dipandang hina oleh masyarakat.

Tengku Di Balai juga menghadihkan sekeping tanahnya seluas 3 ekar didalam kampong itu, dan sehinggalah kehari ini, sesiapa yang meninggal dikalangan orang Aceh didalam kampong itu akan dikebumikan ditanah perkuburan itu.

Kumpulan awal orang Aceh yang datang ke Yan itu membawa bersama-sama mereka berbagai-bagai pakaian tradisional, perkakas dapur dan senjata mereka. Diantara senjata yang mereka bawa bersama-sama mereka ialah seperti keris, lembing, pedang panjang dan lain-lain. Senjata-senjata ini kerap terlihat dan disimpan

7/...

dirumah masing-masing sebagai barang-barang perhiasan. Tetapi pada zaman pendudukan Jepun, pemerintahan Jeoun telah mengeluarkan arahan kepada penduduk tempatan supaya menyerahkan senjata-senjata yang ada pada mereka atau membuangnya kedalam laut. Akibat daripada arahan itu, semua senjata kepunyaan orang Aceh di Kampong Aceh itu telah di buang kedalam laut.

8/...

KEADAAN SOSIAL MASYARAKAT

Semasa kedatangan kumpulan pertama, yang diketuai oleh Tengku Di Balai bersama-sama dengan pengikutnya ke Kampong Aceh, orang Melayu tempatan yang berada disekitar kampong itu tidak membantah kedatangan orang Aceh untuk membuka sebuah perkampungan orang Aceh disitu, malah orang Melayu tempatan menerima mereka sebagai sahabat-sahabat yang baru tiba. Adapun orang Melayu yang menjual tanah hutan yang terbiar kepunyaan mereka kepada orang Aceh untuk dijadikan sebagai ladang untuk menanam lada. Hubungan rapat dan mesra diantara orang Aceh dengan orang Melayu tempatan wujud sejak dari dahulu sehinggalah kehari ini, tetapi dari segi perkahwinan tidak berlaku kahwin campur diantara lelaki Aceh dengan wanita Melayu tempatan atau sebaliknya. Mereka lebih tertumpu kepada kahwin puak Aceh.

Sejak dari masa Tengku Di Balai menjadi ketua kampong di Kampong Aceh sehinggalah kehari ini, Kampong Aceh dikelolakan oleh sebuah jawatankuasa kampong yang terdiri daripada 5 orang lelaki yang sudah berumur bersama-sama dengan seorang ketua kampong. Jawatankuasa ini menjaga semua hal yang berkaitan dengan kampong itu, seperti memerhatikan supaya setiap ahli kampong itu hidup dengan sempurna. Jika ada yang memerlukan bantuan, ahli-ahli jawatankuasa ini akan cuba menolong mereka. Segala yang melibatkan kampong itu dengan pihak kerajaan negeri Kedah atau dengan pihak-pihak desa diselesaikan melalui dengan jawatankuasa ini.

Selepas kematian Tengku Di Balai pada tahun 1950, jawatan itu dipegang pula oleh seorang yang bernama Abu Bakar bin Osman. Beliau menjadi ketua kampong selama 10 tahun.

Walaupun Kampong Acheh berhampiran dengan laut dan dikelilingi oleh sawah padi, orang Acheh tidak menjalankan kerja seperti menjadi nelayan atau pesawah padi dari sejak kampong itu dibuka sehinggalah kemasa ini. Mereka hanya menumpukan pekerjaan mereka kepada lapangan perniagaan dan hasil atau wang yang diperolehi daripada perniagaan itu digunakan membeli barang-barang keperluan harian seperti padi dan ikan. Ini adalah disebabkan oleh pengaruh yang mula-mula dibawa masuk oleh golongan peniaga dari Acheh. Kumpulan peniaga telah mempengaruhi dasar hidup penduduk di Kampong Acheh sejak dari dahulu hinggalah kehari ini, iaitu mereka memegang teguh kepada prinsip yang setiap lelaki Acheh berazam untuk mencari wang dan harta dengan cara berniaga. Mereka akan keluar berbulan-bulan untuk berniaga dimerata tempat ditanah Melayu dan hanya akan pulang ke Kampong Acheh apabila hasil pendapatan itu memuaskan. Mereka tidak suka memakan gaji dengan orang lain, tetapi sebaliknya lebih berusaha sendiri untuk mendapatkan harta dan wang.

Orang Acheh yang datang ke Kampong Acheh itu membawa bersama-sama mereka adat istiadat dari negeri Acheh yang banyak dipengaruhi oleh ugama Hindu, dan adat-adat ini terdapat banyak persamaan dengan adat-adat orang Melayu tempatan, seperti adat nikah kahwin, bertelinga besar dan memakan sireh.

Dalam adat memberi kepada seorang bayi yang baru lahir, seseorang ibu atau bapa akan mengadakan satu majlis jamuan, dimana guru agama didalam kampong itu akan dijemput untuk memberi nama yang sesuai kepada bayi itu. Nama yang diberikan oleh guru agama itu (yang selalu dipanggil Tok Guru), adalah mutamat dan diterima oleh ibubapa bayi yang berkenaan. Selalunya, didalam memilih nama-nama seseorang Tok Guru

-IC-

itu akan memilih nama pemimpin Islam yang terkenal, seperti Ali, Othman, Fatimah, Aishah, Abdul Kadir dan nama nabi, iaitu nama Muhamad. Nama-nama yang ada kaitan dengan sejarah juga dipilih, seperti Khalid, Abdul Hasan dan Omar. Nama-nama yang ada membawa kebaikan juga popular seperti Lufti, Hilmi dan Agmi.

Sejak pembukaan Kampong Acheh itu hinggalah kehari ini, orang Acheh dari kampong itu terus berhubung rapat dengan orang Acheh yang tinggal di Langkawi, didaerah Kuala Muda dan Pulau Pinang. Hubungan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi aktiviti perniagaan mereka, seperti bertukar-tukar berjenis-jenis barang sesama sendiri untuk berniaga, dan ramai diantara mereka yang berjaya didalam bidang perniagaan.

II/...

PERKAHWINAN

Menurut kepercayaan orang-orang Aceh, maka perkahwinan itu merupakan suatu keharusan yang menetapkan oleh agama. Persoalan sex disini tidak merupakan faktor yang menentukan. Perkahwinan itu adalah suatu bentuk hidup bersama dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, yang memenuhi syarat dalam hukum. Oleh kerana itu setiap orang laki-laki dan wanita yang telah akil-baliq diwajibkan mencari dan mendapatkan jodohnya. Mencari dan menentukan jodoh itu bagi masyarakat Aceh membutuhkan syarat-syarat tertentu. Pertama, yang mencari jodoh itu adalah orang tua. Kedua, ialah memelih jodoh anak mereka, berdasarkan pada keturunan dan fungsi sosial dari keluarga sigadis. Sebaliknya orang tua sigadis menerima lamaran itu sesuai pula dengan ketentuan diatas, sehingga hal ini berlaku secara timbal balik.

Untuk mendapatkan jodoh bagi anak laki-laki mereka, maka dibutuhkan langkah-langkah pelaksanaan sebagai berikut:

- I. Apabila keluarga sipemuda sudah berketetapan untuk melamar seorang gadis, diutuskan kepada keluarga sigadis seorang seulangke (penghubung). Seulangke ini harus orang yang pandai bicara dan terdiri dari laki-laki atau wanita. Setelah dikemukakan maksud ini serta lamaranya diterima, maka utusan ini kembali.

2. Balam rangka ini oleh utusan tadi bawalah tanda kongnarit (tanda ikatan) berupa benda-benda berharga, biasanya emas. Apabila tanda ini diterima bererti kedua belah pihak telah terikat dengan suatu tali pertunangan. Sekali gus pada waktu itu ditetapkan pula masa pernikahan.
3. Tepat pada waktu pernikahan itu berlangsung ditetapkan pula jumlah jeumamee (mas kahwin) yang harus diserahkan oleh pihak sipemuda. Mas kahwin itu jumlahnya berbeda-beda, tergantung kepada status orang tua sigadis. Biasanya mas kahwin itu ditetapkan kira-kira 50 gram sampai 100 gram emas.
4. Apabila penentuan mas kahwin itu selesai, maka selang beberapa bulan baru diadakan pernikahan atau peresmian perkahwinan. Pada waktu itu diadakan suatu upacara besar-besaran sehingga kalau kita perinci, maka setiap perkahwinan memakan belanja setidak-tidaknya \$1,000/- sampai \$3 \$3,000/. Jumlah mas kawin yang demikian banyaknya, tidak hilang demikian saja, akan tetapi apabila kedua mempelai telah hidup bersama, maka kepada mereka diberi pemulang (pemerian setelah dipisahkan), iaitu berbentuk rumah atau sepetak tanah sawah sesuai dengan kemampuan orang tuan sigadis.

Sistem perkahwinan berbentuk matrilokal (suami tinggal dirumah isteri). Mereka tinggal bersama-sama dengan orang tua isteri sampai mereka diberi rumah sendiri. Selama masih bersama-sama tinggal dengan mertua, maka suami tidak mempunyai tanggung jawab terhadap rumahtangga dan yang bertanggungjawab adalah mertua (ayah wanita).

Perceraian disini jarang didapati. Jika kerana terpaksa sekali (misalnya campur tangan mertua terlalu jauh dalam soal rumah tangga mereka) maka dapat timbul perceraian. Perceraian bukanlah suatu pola yang disenangi oleh masyarakat. Hidup damai dan tanpa cekcok sesuai dengan contoh yang diberikan oleh Nabi dan sahabat-sahabatnya adalah teladan yang baik dan dihormati.

Sungguhpun perceraian jarang terjadi, akan tetapi kahwin poligini masih lagi banyak dilakukan di Aceh. Prinsip-prinsip yang dipegang untuk berpoligini ini adalah satu ketentuan dalam Islam, yang menurut segolongan orang memberi kelonggaran untuk berpoligini (al-Quran, surat annisa, ayat tiga), di samping faktor-faktor lain seperti tidak punya anak pada isteri yang pertama dan sebagainya.

Makan bersama (kenduri) adalah suatu unsur yang penting dalam upacara keagamaan. Dalam upacara itu yang diundang ialah orang laki-laki tetangga. Upacara dilakukan oleh teunku atau teungku menunasah, iaitu orang-orang yang faham ayat-ayat Quran. Undangan didudukkan diatas tikar diserambi depan. Kemudian tuan rumah menyampaikan maksud upacara. Penyampaian doa dimulai, dan doa biasanya ditentukan dalam bentuk berzikir. Sebelum berzikir, dihidangkan di depan para tamu makanan dan lauk-pauk yang cukup banyak. Setelah semua selesai, baru disudahi dengan berdoa dan selawat kepada nabi muhammad s.a.w. Upacara kenduri ini biasanya dilakukan sebagai unsur-unsur dalam upacara-upacara sekitar lingkaran individu dan upacara kematian.

PENDIDIKAN

Bagi masyarakat Aceh, pendidikan agama merupakan pendidikan yang universal bagi setiap anak sejak berumur 7 tahun.

Anak-anak itu mula-mula mengikuti pendidikan dimadrasah. Disini mereka mendapat pengetahuan dasar didalam pengajian Al Quran. Setelah selesai disana, mereka dapat melanjutkan ke sekolah Agama yang didirikan. Guru agama disebut Tengku (ulama). Disini, anak-anak mengaji dalam peringkat yang lebih tinggi sementara mereka berumur sekitar 15 tahun keatas.

Pada waktu sekarang pendidikan agama telah banyak diasuh oleh kerajaan. Pendidikan agama dimulai dari sekolah rendah hingga ke menengah. Sekolah agama rakyat yang diasaskan oleh penduduk Aceh kini telah diambil alih oleh kerajaan. Sekolah agama rakyat ini perbelanjaan dan gaji guru dibayai oleh koperasi Kampong Aceh pada waktu ini dibayar oleh Jabatan Agama.

STRUKTUR MASYARAKAT

Pemerintahan Kampong terdiri dari beberapa ketua iaitu:

1. Keusyik, atau ketua kampong:

Jawatan ini bersifat turun temurun pada waktu ini tidak dijalankan lagi pemilihan dibuat oleh orang kampong sendiri. Ketua Kampong berkewajipan untuk:

- a) menjaga ketertiban, keamanan dan adat dalam kampongnya.
- b) berusaha untuk mamakmurkan kampongnya.
- c) memberi keadilan didalam perselisihan perselisihan.

2. Tengku atau lebih tepat Teungku meunasah:

Jawatan ini bertindak sebagai kepada kepala agama dalam kampong. Ia dipilih dan dapat dijabat oleh setiap orang yang faham agama islam. Jawatan ini tidak bersifat turun temurun.

3. Ureung tua:

Dikampong-kampong biasanya ada majlis yang terdiri dari beberapa orang yang biasanya sudah tua-tua dan banyak pengalaman serta faham tentang soal adat. Mereka merupakan wakil-wakil rakyat dan dipilih dan dikuti serta membicarakan kepentingan kampong. Dengan demikian, kampong menunjukkan ciri masyarakat yang demokratis. Didalam kampong namapat dua unsur yang sama ialah unsur agama dan unsur adat.

POLA PERKAMPONGAN AWAL

Pada kedatangan awal orang-orang Aceh mereka mendirikan pondok-pondok sebagai tempat penginapan. Mereka mendirikan sebuah madrasah disebatang anak sungai. Pemilihan ini adalah disebabkan kemudahan untuk mengulangi air sembahyang dan kegunaan seharian. Adalah diketahui bahawa lebih kurang 100 buah pondok pondok kecil didirikan berorientasikan madrasah. Pondok-pondok ini didirikan berdekatan diantara satu sama lain secara berkelompok. Pondok-pondok kecil mengandungi satu dan dua unit.

Pada masa itu hanya terdapat madrasah dan dua buah pondok sahaja yang masih wujud. Madrasah ini masih digunakan lagi. Manakala pondok ini digunakan sebagai tempat untuk berihat. Sebuah daripada pondok ini adalah tempat penginapan Tengku Abd. Rani anak kepada Tengku Arshard yang membuka kampung Aceh.

POLA PERKAMPONGAN SEKARANG

Pola perkampungan kampung Aceh mempunyai persamaan dengan pola perkampungan Kampung di Aceh. Perkampungannya terdiri daripada kelompok rumah yang terletak berdekatan satu sama lain. Perbezaan ini sangat nyata jika dibandingkan dengan pola perkampungan penduduk tempatan yang berjajar.

Ini adalah untuk menyenangkan mereka berbual-bual dan bergurau senda semasa mereka berada ditingkap-tingkap atau pintu-pintu. Ataupun kerana mereka mempunyai hubungan kekerabatan, ataupun berasal dari daerah yang sama di Aceh.

Setiap rumah mempunyai halaman yang ditanam dengan tumbuhan-tumbuhan berguna. Tanaman-tanaman itu biasanya dapat membantu mereka dalam menampung keperluan seharian, seperti rambutan, durian, kelapa, mangga dan mempelam.

Kegiatan penduduk desa sangat besar bagi kemajuan Kampong tersebut. Setiap penduduk kampong mempunyai kewajiban melakukan ibadah bersama-sama; membangun bersama-sama tempat beribadah seperti masjid dan madrasah. Kebersihan dan kesihatan desa mendapat perhatian penuh dari anggota-anggota kampong. Ini nampak jelas dari usaha mereka untuk memperbaiki saluran-saluran air, jalan-jalan kampong dan secara gotong-royong membersihkan kampong dari semak belukar. Tugas ini adalah tugas routine pada setiap hari Jumaat.


RUMAH

Rumah yang terdapat di Kampong Aceh pada ciri-ciri luarnya adalah tidak menyerupai senibina asal Aceh, tetapi adalah senibina tempatan Kedah.


Jika dikaji dengan cara teliti konsep pembahagian ruang rumah Kedah adalah sama dengan konsep rumah Aceh. Cuma perbezaan yang nyata adalah sempadan pembahagian ruang-ruang dalaman. Ditegaskan dengan perbezaan ketinggian lantai rumah Kedah tidak melebihi 6".

Bahagian dalam rumah, biasanya terdiri dari ruangan-ruangan iaitu depan, tengah dan belakang. Ruangan depan dan belakang tidak dibuat berkamar-kamar tapi terbuka saja. Ruangan-ruangan tersebut mempunyai fungsi sebagai tempat tidur lelaki dan perempuan yang masih bujang, sebagai tempat tidur para tamu dan untuk tempat tidur selama diadakan upacara-upacara seperti perkahwinan dan kematian.

Ruang tengah yang letaknya sedikit lebih tinggi dari kedua ruang tadi merupakan inti dari suatu rumah. Disini terdapat satu atau dua bilek tidur untuk ayah dan ibu. Diruangan belakang disalah satu sudut dibuat dapur. Kalau keadaan mengizinkan dibuat sebuah ruangan memasak tersendiri yang disebut "TIPHIK".



PELAN RUMAH ORANG ACHEH
DI YAN, KEDAH.



KERATAN RUMAH